

Apa LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Sebelum mengambil ubat ini,

- Beritahu doctor atau ahli farmasi anda jika anda ada alergi pada ubat-ubatan.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda apa-apa ubat lain yang anda sedang ambil, terutamanya antibiotik, antasid, ubat untuk sakit dan sawan, penyakit jantung atau ubat tekanan darah dan vitamin-vitamin.
- Beritahu doktor anda jika anda pernah atau sedang menghadapi kencing manis, penyakit jantung, tekanan darah tinggi, penyakit buah pinggang atau penyakit usus.
- Beritahu doktor anda jika anda sedang hamil, merancang untuk hamil, atau sedang menyusu badan kepada anak anda.


Julap digunakan secara berlebihan oleh kebanyakan orang. Perbuatan ini mengakibatkan mereka ketagih terhadap ubat untuk pergerakan usus. Dalam kes-kes yang lebih teruk, penggunaan berlebihan sesetengah julap mungkin menyebabkan kerosakan saraf, otot dan tisu usus dan perut. Jika anda mempunyai pertanyaan tentang penggunaan julap, sila periksa dengan pakar-pakar perubatan anda.

Bagaimana saya harus MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat ini di tempat yang dingin dan kering. Simpan jauh daripada haba dan elakkan dari cahaya matahari.



Risalah Maklumat Untuk Pesakit



MENGENAI ubat anda

Julap merupakan ubat yang diambil untuk menggalakkan pergerakan perut dan melegakan sembelit.

Terdapat beberapa jenis julap dan mereka bertindak melalui cara yang berlainan. Memandangkan arahan penggunaan adalah berlainan untuk setiap jenis julap, adalah penting untuk mengetahui jenis apa yang anda sedang ambil. Jenis-jenis julap yang berlainan adalah:

Jenis-jenis julap	Contoh-contoh	Cara tindakan
Pembentukan pukal- datang dalam bentuk serbuk oral	Serbuk <i>Ispaghula husk</i> (Fybogel®) <i>Musiloid hidrofilik psillium</i> (Metamucil®) Sterculia (Normacol®)	Ia bertindak dengan menyerap cecair dalam usus dan membengkak untuk membentuk najis yang lembut dan pukal. Usus besar kemudian dirangsang oleh kewujudan kelompok najis yang pukal.
Perangsang- datang dalam bentuk tablet (untuk bisacodyl, juga dapat dalam bentuk suppositori)	Bisacodyl (Dulcolax®) <i>Senna</i> (Senokot®)	Ia menggalakkan pergerakan usus besar dengan bertindak pada dinding usus. Ini meningkatkan pengecutan otot dan keadaan ini menggerakkan kelompok besar najis ke arah rektum.
Pelembut tahi- datang dalam bentuk cecair atau enema	Paraffin Cecair Emulsi paraffin cecair Enema minyak zaitun	Ia bertindak dengan melapiskan tahi dan melembutkannya. Najis akan kekal dalam keadaan lembut dan memudahkan laluan.

Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

Jenis-jenis julap	Contoh-contoh	Cara tindakan
Osmotik	Gliserol (suppositori) <i>Jenis laktulose</i> Laktulose (Duphalac®) (cecair oral) <i>Jenis garam</i> Polietilena Glikol (Klean-Prep®) (oral) Magnesium Sulfat Sodium fosfat (Fleet® Phospho-Soda) (oral atau enema)	Ia menggalakkan pergerakan usus besar dengan mencurahkan air dari sekitaran tisu-tisu badan. Ini menghasilkan satu kelompok besar najis yang lembut dan meningkatkan tindakan usus besar.

BAGAIMANA cara saya ambil/ guna ubat ini?

Ikut arahan doktor anda. Semasa menggunakan julap, minum juga sekurang-kurangnya 6 hingga 8 gelas air setiap hari. Ini akan membantu untuk melembutkan najis.

Untuk pesakit-pesakit yang mengambil julap *pembentukan pukal*:

- Campur serbuk kering dengan cecair ke dalam gelas dan minum dengan segera.
- Untuk membenarkan julap pembentukan pukal besar bertindak dengan baik dan mencegah kesumbatan usus, ini memerlukan pengambilan air minum yang banyak semasa penggunaannya. Setiap dos patut diambil dengan satu gelas penuh atau lebih air sejuk atau jus buah-buahan. Ini akan membekalkan cecair yang mencukupi untuk julap bertindak dengan baik.
- Semasa mengambil julap pembentukan pukal, kesan biasanya akan didapati seawal-awalnya selepas 12 jam atau selewat-lewatnya selepas 2 atau 3 hari.

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak

Untuk pesakit-pesakit yang ambil julap *perangsang*:

- Julap jenis perangsang biasanya diambil dalam perut yang kosong untuk kesan yang cepat. Kesan akan dilambatkan jika diambil dengan makanan.
- Banyak julap jenis perangsang biasanya diambil sebelum tidur untuk menghasilkan kesan pada pagi keesokan hari (walaupun bagi sesetengah orang mereka mungkin memerlukan lebih dari 24 jam atau lebih).

Tablet bisacodyl dilapis dengan khasnya untuk membenarkan mereka berfungsi dengan betul tanpa menyebabkan iritasi perut dan/atau mual. Jangan kunyah, hancur atau ambil ubat dalam masa satu jam selepas pengambilan susu atau antasid.

Untuk pesakit-pesakit yang ambil julap jenis *pelembut najis*:

- Ubat tidak seharusnya diambil dalam masa 2 jam selepas sarapan kerana kemungkinan gangguan terhadap pencernaan dan penyerapan makanan.
- Biasanya ia diambil sebelum tidur untuk memudahkan kerana ia memerlukan 6 hingga 8 jam untuk menghasilkan kesan.

Untuk pesakit-pesakit yang ambil julap jenis *osmotik*:

- Rasa tidak sedap yang dihasilkan oleh sesetengah julap jenis ini mungkin boleh diperbaiki dengan minum jus buah-buahan limau atau minuman berkarbonat berasa limau.
- Laktulose mungkin tidak menghasilkan kesan julap dalam masa 24 hingga 48 jam.
- Julap jenis garam biasanya menghasilkan kesan dalam masa 1/2 hingga 3 jam selepas satu dos.

Untuk pesakit-pesakit yang menggunakan bentuk suppository/ julap osmotik:

- Jika suppositori terlalu lembut untuk dimasukkan, sejukkan suppositori di dalam peti sejuk untuk kira-kira 30 minit atau melalukan suppositori dengan air sejuk sebelum anda mengeluarkannya daripada pembalut logam.
- Kesannya mungkin dapat dilihat dalam masa 15 minit hingga 1 jam.

Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

Untuk pesakit-pesakit yang menggunakan enema atau bentuk rektum ubat jenis ini:

- Baca arahan untuk pesakit dengan teliti sebelum menggunakannya.

Apakah KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN pengambilan ubat ini?

Ubat ini mungkin menyebabkan sesetengah kesan sampingan. Kesan sampingan tersebut mungkin hilang semasa rawatan apabila badan anda telah menyesuaikan diri terhadap ubat. Bagaimanapun, periksa dengan doktor anda jika salah-satu daripada kesan sampingan berikut berlarutan atau mengganggu.

Jenis-jenis Julap	Kesan-kesan Sampingan
Pembentukan pukal	Angin perut, perut mengembung
Julap perangsang	Kejang perut, cirit-birit, mual, bersendawa
Pelembut najis	Rembesan paraffin pada dubur; iritasi dubur selepas penggunaan pada jangka masa panjang
Julap osmotik	Kekejangan, cirit-birt, angina, peningkatan rasa dahaga

Minta nasihat doktor jika mengalami sebarang kesan sampingan luar biasa apabila mengambil/ menggunakan ubat anda:

Untuk jenis julap *pembentukan pukal*:

- Sukar bernafas/ menelan
- Ruam kulit/ gatal

Untuk julap jenis *osmotik/ perangsang*:

- Kekeliruan, denyutan jantung tidak teratur; kejang otot
- Keletihan atau kelemahan yang luar biasa
- Najis berdarah, pendarahan rektum

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak